# KOMPILASI SOALAN DAN SKEMA
# PEPERIKSAAN PERCUBAAN NEGERI-NEGERI 2023
# PENDIDIKAN ISLAM

## SOALAN (KBAT)
## KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

NEGERI SEMBILAN
PULAU PINANG
TERENGGANU
PUTRAJAYA
KELANTAN
SELANGOR
SARAWAK
PAHANG
MELAKA
PERLIS
SABAH
KEDAH
PERAK
JOHOR
SBP

DISUSUN OLEH

USTAZAH ROHANA BINTI SULONG
ZulHana7096@UstazahRohana
SEK. MEN. KEB. BUKIT DIMAN
HULU TERENGGANU, TERENGGANU

| | ***BAHAGIAN AL QURAN*** | ***NEGERI*** |
|---|---|---|
| | **LARANGAN MEMPERSENDAKAN AGAMA** | |
| 1 | Huraikan hujjah anda untuk meolak dakwaan segelintir golongan yang beranggapan bahawa pelaksanaan syariat Islam perlu diteliti semula agar sesuai mengikut situasi semasa<br><br>***Cadangan isi***<br>- Syariat Islam sesuai dengan fitrah manusia sepanjang zaman<br>- Ketetapn Allah ada hikmah tersendiri yang tidak mampu dicapai akal manusia<br>- Syariat Islam adalah untuk memelihara keamanan sejagat kerana ia datang daripada pencipta / al Khaliq | Pulau Pinang |
| | MEMAHAMI SUNNATULLAH | |
| 2 | ***Fenomena kerosakan alam yang berlaku di muka bumi ialah sebagai satu bentuk pendidikan dan peringatan kepada manusia agar kembalikepada landasan dan matlamat hidup yang sebenar berteraskan syariat Islam***<br>Berikan hujjah anda untuk membuktikan kebenaran pernyataan di atas<br><br>***Cadangan isi:***<br>- Sifat tamak dan rakus manusia mengejar kemewahan.<br>- Kehidupan berhibur tanpa batasan.<br>- Melakukan maksiat | Selangor |
| | **FIQH AULAWIYAT** | |
| 3 | <br>Berdasarkan gambar di atas,  mengapakah bidang pengajian tersebut penting kepada umat Islam?<br><br>**Cadangan isi:**<br>- Dapat membezakan makanan halal dan haram<br>- Memudahkan urusan keperluan seharian masyarakat<br>- Mengutamakan mempelajari bidang ilmu makanan halal<br>- Memenuhi keperluan tenaga kerja industri halal | Perak |
| | **KEPELBAGAIAN BANGSA DALAM ISLAM** | |
| 4 | Kepelbagaian bangsa membina peluang bagi mengukuhkan kehidupan yang harmoni dalam masyarakat majmuk Malaysia.<br>Kemukakan hujjah anda bagi menyokong pernyataan di atas<br>***Cadangan isi***<br>- Mengutamakan hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia dalam setiap tindakan berdasarkan syariat<br>- Saling memahami dan menerima bangsa melayu sebagai teras utama dalam masyarakat<br>- Menghormati kepelbagaian budaya supaya wujud persefahaman dalam kalangan masyarakat<br>- Umat Islam lebih berusaha untuk membaiki akhlak supaya menjadi teladan<br>- Muslim dan non muslim saling bekerjasama untuk membina kehidupan yang harmoni<br>- Menjadi pemimpin Muslim yang adil dan saksana apabila memegang jawatan | Terengganu |

| | | |
|---|---|---|
| | ***BAHAGIAN HADIS*** | |
| | **KEMULIAAN BERDIKARI** | |
| 5 | **BERDIKARI**<br>**UNTUK KEBAIKAN DIRI SENDIRI, AGAMA, MASYARAKAT DAN NEGARA.**<br>Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan bagaimana anda membudayakan amalan di atas dalam kehidupan seharian<br><br>**Cadangan isi:**<br>- Berusaha bersungguh-sungguh untuk menyara kehidupan.<br>- Membebaskan diri daripada bergantung pada pihak lain.<br>- Menyakini kemampuan diri.<br>- Berazam dengan hemah yang tinggi. | Perak |
| 6 | "***Tidak memakan seseorang sesuatu makanan yang lebih baik daripada memakan hasil daripada hasil kerja tangannya sendiri dan sesungguhnya nabi Allah Daud a.s. makan daripada hasil kerja baginda sendiri***"<br>(Riwayat Bukhari)<br>Kemukakan hujah anda untuk menyokong kebenaran hadis di atas.<br><br>***Fokus kepada kelebihan bekerja sendiri***<br>**Cadangan isi: -**<br>- mendapat sumber pendapatan yang diyakini halal<br>- dipandang mulia<br>- rezeki diberkati<br><br>***Catatan:***<br>***Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.*** | Melaka |
| 7 | ***USAHA TANGGA KEJAYAAN***<br>Bagaimana anda mengaplikasikan pernyataan di atas dalam kehidupan seharian. Huraikan<br><br>***Cadangan isi :***<br>- Berusaha bersungguh-sungguh dalam pelajaran.<br>- Tidak mudah berputus asa dalam pelajaran.<br>- Sentiasa bermotivasi semasa menuntut ilmu.<br>- Merancang strategi untuk berjaya dalam pelajaran | Pahang |
| 8 | ***Kehidupan di asrama melatih pelajar supaya hidup berdikari. Kemukakan pandangan anda bagi menyokong pernyataan di atas***<br><br>***Cadangan isi :***<br>- Mengurus pakaian sendiri.<br>- Mengatur kehidupan sendiri.<br>- Menyusun jadual harian sendiri.<br>- Bijak mengurus kewangan | Kelantan |

| | | |
|---|---|---|
| 9 | <br><br>Kemukakan pendapat anda tentang gambar di atas dalam konteks berdikari.<br><br>***Cadangan isi***<br>- Berusaha sendiri tanpa meminta-minta<br>- Dikurniakan kesihatan yang baik untuk bekerja<br>- Mencari rezeki yang halal<br><br>***Catatan***<br>***Jawapan mesti berkaitan dengan konsep berdikari dan bukannya bersedekah*** | Perlis |
| 10 | **OKU cekal berdikari, pilih berniaga melalui Facebook Live**<br>*Status orang kelainan upaya (OKU) bukan penghalang bagi Dale Adelric Teri yangmenghidap Cerebral Palsy (CP) berusaha dan berdikari untuk meraih pendapatan sendiri.Dengan kemudahan dan kecanggihan teknologi, anak muda berusia 28 tahun itu kinibergelar usahawan dalam talian dengan menjual kasut dan stoking menerusiFacebook dan Instagram.*<br>*"Saya berharap rakan-rakan senasib dengan saya tidak putus asa dan malu untukmencuba. Jika kita kuat semangat dan terus berusaha, kejayaan pasti akan datang,"katanya mengakhiri perbualan.*<br>*- Astro Awani, 11 Mei 2020*<br><br>Berdasarkan keratan akhbar di atas, huraikan pandangan anda dalam konteks<br>Berdikari<br><br>***Cadangan isi (kesan positif berdikari) :***<br>- Kekurangan diri tidak membataskan kemahuan untuk berjaya<br>- Sentiasa berusaha walaupun kekurangan fizikal<br><br>***Contoh jawapan***<br>Golongan OKU ini membuktikan bahawa kekurangan diri tidak membataskan kemahuan untuk berjaya (I) kerana mereka sentiasa berusaha dengan gigih tanpa mengharap bantuan orang lain. (H) Kesannya, mereka akan dipandang tinggi oleh masyarakat. (HL) Oleh itu, kita hendaklah menghindari perbuatan meminta-minta agar dapat memelihara maruah diri. (K) | Sabah |

| | | |
|---|---|---|
| 11 | **'Kalau attitude ke laut, memang tak tahan', warganet bidas isu Gen Z manja dan pantang kena tegur**<br>*Sumber: Majoriti.com.my, 22 Jun 2023*<br><br>Berdasarkan tajuk artikel di atas, huraikan pandangan anda tentang peranan generasi akan datang bagi mengatasi sikap tersebut dalam menyara kehidupan<br><br>***Cadangan isi***<br>- Menggunakan potensi diri yang dikurniakan Allah seoptimum mungkin<br>- Membebaskan diri daripada bergantung kepada pihak lain<br>- Meyakini kemampuan diri dalam melaksanakan suatu tugasan<br>- Berazam dengan hemah yang tinggi untuk meningkatkan kualiti diri, masyarakat dan negara<br>- Berusaha bersungguh-sungguh menyara kehidupan | SBP |
| 12 | **Pekerja asing ramai sebab orang Malaysia malas?**<br>Prof Dr Mohd Nazari Ismail<br>Mei 10, 2019 07:14 MYT<br><br>Kemukakan pendapat anda berkaitan pernyataan di atas<br><br>***Cadangan isi:***<br>***Setuju:***<br>- Sikap rakyat yang tidak suka dengan pekerjaan yang berat, kotor dan merbahaya.<br>- Terlalu memilih pekerjaan.<br><br>***Tidak setuju:***<br>- Tawaran gaji yang rendah berbanding kelulusan akademik.<br>- Masih ramai rakyat Malaysia yang berdikari / mengguna potensi diri secara maksimum / optimum.<br>- Rakyat Malaysia perlukan gaji tinggi demi menyara ahli keluarga yang ramai. | Kedah |
| 13 | **BERDIKARI**<br>Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.<br><br>Pada pandangan anda, mengapakah sifat di atas perlu ada dalam diri seseorang pelajar<br><br>Cadangan isi<br>- Mewujudkan semangat untuk terus berusaha<br>- Meyakini kemampuan diri melaksanakan sesuatu tugasan<br>- Berusaha dengan bersungguh-sungguh<br>- Membebaskan diri daripada bergantung kepada orang lain<br>- Tidak mudah putus asa dan kecewa<br>- Menggunakan potensi diri yang dikurniakan Allah SWT | N9 |

| | | |
|---|---|---|
| 14 | <br>Graduan perbankan jadi penternak ikan kelah<br><br>Berdasarkan keratan akhbar di atas, kemukakan hujah anda untuk mengaitkannya dengan sikap berdikari<br><br>***Cadangan Isi :***<br>- Sikap ini akan menjadikan seseorang tekun melakukan sesuatu perkara.<br>- Memperkasakan daya saing untuk meningkatkan taraf hidup. | Putrajaya 2 |
| | **SETIAP ORANG ADALAH PEMIMPIN** | |
| 15 | ***Sebagai seorang pekerja, kita mempunyai peranan untuk berganding bahu bersama pemimpin dalam membangunkan negara***<br><br>Berdasarkan pernyataan di atas , huraikan peranan pekerja dalam pembangunan negara<br><br>**Cadangan Isi Jawapan:**<br>- Bekerja dengan penuh integriti.<br>- Bekerja mengikut prosedur yang ditetapkan.<br>- Melaksanakan setiap tugasan dengan sempurna.<br>**Catatan :**<br>*Lain-lain isi jawapan yang munasabah diterima* | Johor |
| 16 | "Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati amanah Allah SWT dan rasul-Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanah kamu sedangkan mengetahui salahnya."<br>(Surah al-Anfal : 27)<br><br>Ramalkan apakah yang akan berlaku sekiranya pekerja di Malaysia mengabaikan perkara ini. Huraikan.<br><br>***Cadangan isi :***<br>- Rasuah berleluasa.<br>- Ekonomi merosot<br>- Negara tidak aman dan mundur | Putrajaya 1 |

| | | |
|---|---|---|
| | ***BAHAGIAN AQIDAH*** | |
| | **AJARAN SESAT** | |
| 17 | ***Ajaran sesat merupakan ancaman kepada masyarakat Islam di negara kita.***<br><br>Kemukakan hujah anda bagi menyokong penyataan di atas<br><br>**Cadangan isi:**<br>- Mencetus keganasan dalam masyarakat.<br>- Menggugat keamanan negara.<br>- Mewujudkan permusuhan.<br>- Menggugat kestabilan politik<br>- | Perak |
| 18 | ***Ajaran sesat adalah satu fenomena yang semakin menular dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia***<br><br>Ramalkan apa yang akan berlaku sekiranya situasi di atas tidak dibendung.<br><br>***Cadangan isi : ( fokus kepada kesan negatif)***<br>- Menjatuhkan imej umat Islam<br>- Melemahkan iman dan merosakkan akidah<br>- Melahirkan individu yang pasif dan malas<br>- Menggugat kestabilan politik<br>- Memutuskan hubungan silatulrahim<br>-<br>***Catatan:***<br>***Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.*** | Melaka |
| 19 | ***Terdapatnya ajaran sesat yang mendakwa bahawa solat cukup dengan berniat sahaja tanpa perlu melakukannya.***<br><br>Kemukakan pandangan anda berkaitan situasi di atas<br><br>***Cadangan isi:***<br>- Solatnya tidah sah<br>- Pelaksanaan solat mesti terdapat rukun qalbi, qauli dan fi'li<br>- Solat dengan cara berniat sahaja bukan cara amalan Rasulullah.<br>- | Pahang |
| 20 | **Terdapat cadangan supaya solat Jumaat dilaksanakan pada hari Sabtu**<br>Huraikan pandangan anda untuk menolak cadangan di atas<br><br>***Cadangan isi (cara menolak/mengatasi ajaran sesat) :***<br>- Mempelajari akidah yang sebenar<br>- Tidak berkawan dengan orang yang mengamalkan ajaran sesat<br><br>***Contoh jawapan***<br>Mempelajari akidah yang sebenar (I) supaya tidak terpengaruh dengan ajaran sesat (H). Hal yang demikian akan dapat membendung fahaman yang menyeleweng (HL). Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa meningkatkan ilmu berkaitan akidah agar akidah kita benar .(K ) | Sabah |

| | | |
|---|---|---|
| 21 | Sabda Rasulullah SAW:<br>تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا كِتَابَ اللهِ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ<br>(رواية مالك)<br>Maksudnya: Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang kamu tidak akan sesat sekira berpegang dengannya, kitab Allah (al-Quran) dan Sunah Nabi-Nya (al-Hadis).<br><br>Pada pandangan anda mengapakah ajaran sesat masih berlaku walaupun Nabi Muhammad telah berpesan melalui hadisnya seperti di atas<br><br>***Cadangan isi :***<br>- Tidak memahami kandungan al Quran dan hadis<br>- Belajar ilmu agama bukan dari ulamak/guru yang muktabar<br>- Kurang ilmu agama menyebabkan tidak dapat membezakan ajaran yang yang benar dan salah<br>- Mentafsir ayat al Quran dan hadis berdasarkan akal semata-mata\/ mengikut hawa nafsu<br>***Catatan :***<br>***Jawapan mesti dikaitkan dengan al Quran dan hadis*** | Pulau Pinang |
| 22 | ***Ajaran sesat boleh memusnahkan perpaduan dalam masyarakat***<br><br>Kemukakan hujjah anda untuk membuktikan kebenaran pernyataan di atas<br><br>**Cadangan isi:**<br>- Taksub kepada kumpulan tertentu.<br>- Mementingkan diri sendiri.<br>- -Membawa kepada pergaduhan | Selangor |
| | **AR RAQIB** | |
| 23 | <br><br>Berdasarkan gambar di atas, kemukakan hujah anda dengan mengaitkannya dengan nama Allah SWT al-Raqib<br><br>***Cadangan isi:***<br>- Allah SWT Maha Mengawasi semua tingkah laku manusia.<br>- Menjadikan manusia sentiasa berwaspada dalam semua keadaan.<br>- Sentiasa berusaha menjauhi larangan Allah SWT.<br>- | Perak |
| 24 | ***Keimanan kepada sifat Ar raqib akan menjadikan seseorang hamba sentiasa berhati-hati dalam melakukan sesuatu perkara agar tidak bercanggah dengan syariat Islam***<br>Huraikan hujjah anda untuk membuktikan kebenaran pernyataan di atas<br><br>***Cadangan isi:***<br>- Takut dengan pembalasan azab daripada Allah SWT.<br>- Malaikat sentiasa mencatat segala perbuatan baik dan buruk manusia.<br>- Sebagai seorang muslim ingin membuat dan mengamalkan sebanyak mungkin amalan baik. | Pahang |

| | | |
|---|---|---|
| 25 | <br><br>Gambar di atas menunjukkan pelbagai platform laman media/ sosial. Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya ibu bapa tidak mengawal penggunaannya terhadap anak-anak dengan mengaitkannya dalam konteks keimanan terhadap nama Allah Ar Raqib<br><br>***Cadangan isi***<br>- Anak-anak mudah terpengaruh dengan gejala sosial yang tidak sihat/ bahaya<br>- Melahirkan masyarakat yang huru hara/berpecah belah<br>- Hubungan silaturrahim antara ahli keluarga/masyarakat menjadi renggang /putus<br>- Anak-anak / ibu bapa/masyarakat tidak meyakini Allah SWT memiliki sifat Maha Mengawasi / tidak berwaspada dalam tindakan<br>- | Terengganu |
| 26 | ***Ramalkan apa yang akan berlaku kepada masyarakat sekiranya kefahaman al-Raqib diabaikan.***<br><br>***Cadangan isi:***<br>- Masyarakat leka dalam melakukan kemungkaran/dosa.<br>- Masyarakat memandang remeh soal ibadat.<br>- Masyarakat kurang berusaha untuk meningkatkan amalan mereka.<br>- Masyarakat hidup dalam berpura - pura. | Kelantan |
| 27 | ***Keimanan kepada nama Allah bersifat al-Raqib akan menjadikan seseorang hamba sentiasa berwaspada dalam semua keadaan zahir dan batin.***<br><br>Kemukakan hujah anda untuk menyokong kebenaran pernyataan di atas<br><br>***Cadangan Isi***<br>- Berusaha melakukan perintah-Nya.<br>- Menjauhi larangan-Nya.<br>- Takut melakukan dosa kerana yakin Allah Maha Mengawasi setiap perbutan hamba-Nya. | Perlis |
| 28 | ***Menghayati nama Allah Ar Raqib menjadikan seseorang murid itu cemerlang dan berjaya dalam pelajaran***<br><br>Huraikan pandangan anda bagi menyokong pernyataan di atas<br><br>***Cadangan isi***<br>- Melakukan segala perintah Allah dan menjauhi laranganNya<br>- Mengelakkan diri daripada melakukan perkara lagha dan maksiat<br>- Sentiasa istiqamah dalam melakukan ibadah<br>- Sentiasa berdoa dan memohon kejayaan dalam pelajaran<br>****mana-mana isi jawapan yang munasabah diterima*** | SBP |

| | | |
|---|---|---|
| 29 | ***Sistem penguatkuasaan yang berkesan dapat mengurangkan kadar kemalangan jalan raya***<br><br>Kaitkan pernyataan tersebut dalam konteks keimanan terhadap nama Allah SWT al-Raqib.<br><br>***Cadangan Isi:***<br>- Allah SWT sentiasa mengawasi manusia dalam aspek kepatuhan pada perintahdan juga larangan-Nya.<br><br>**Contoh Jawapan:**<br>- Pengguna jalan raya akan sentiasa mematuhi segala peraturan jika ada pengawasan daripada pihak yang berwajib (I/1m). Hal ini kerana mereka takut akan dikenakan tindakan jika melanggar peraturan (H/1m) sebagaimana seseorang yang beriman dengan sikap al-Raqib Allah SWT yang sentiasa berwaspada dalam semua keadaan zahir dan batin (HI/1m). Kesimpulannya, umat Islam hendaklah berhati-hati dalam melakukan sesuatu perkara kerana Allah SWT sentiasa mengawasi apa yang dilakukan oleh hamba-Nya (K/1m). | Sarawak |
| 30 | ***Sistem penguatkuasaan yang berkesan mampu menurangkan kadar kemalangan jalanraya***<br><br>Berdasarkan pernyataan di atas, kaitkannya dalam konteks keimanan terhadap ar Raqib<br><br>***Cadangan isi***<br>- Sentiasa mematuhi undang-undang<br>- Merasakan diri sentiasa diperhatikabn<br>- Takut untuk melanggar peraturan | N9 |
| 31 | <br><br><br>Berdasarkan gambar di atas, kemukakan hujah anda tentang tanggungjawab sebagai seorang mukmin dengan mengaitkannya dengan nama Allah SWT al-Raqib<br><br>***Cadangan isi :***<br>- Sentiasa mentaati perintah-Nya<br>- Menjauhi larangan-Nya<br>- Melakukan kebaikan / amalan soleh | Putrajaya 1 |

| | **AL MUNTAQIM** | |
|---|---|---|
| 32 | <br><br>***Kawasan Laut Mati yang terletak di Jordan merupakan bukti Allah SWT bersifat al Muntaqim***<br><br>Sebagai seorang murid , bagaimanakah anda dapat mengambil iktibar daripada bukti tersebut<br><br>**Cadangan Jawapan:**<br>- Saya akan berhati-hati dalam setiap tindakan yang diambil (1m) kerana yakin dengan pembalasan Allah SWT yang disediakan untuk hamba-Nya yang melampaui batas (1m). Contohnya, saya akan menjaga pergaulan agar tidak terjerumus ke dalam maksiat seperti yang diamalkan kaum terdahulu iaitu seks sejenis (1m). Kesimpulannya, kita hendaklah mengambil pengajaran daripada peringatan yang diberikan oleh Allah SWT agar tidak mengundang kemurkaan daripada-Nya (1m)<br>***Catatan :***<br>***Lain-lain isi jawapan yang munasabah diterima*** | Johor |
| 33 | Mengapakah terdapat segelintir umat Islam masih melakukan perbuatan dosa dan maksiat sedangkan mengetahui Allah SWT bersifat Al Muntaqim . Huraikan<br><br>***Cadangan isi:***<br>- Tidak takut azab Allah SWT/ adanya pembalasan bagi setiap perbuatan.<br>- Kurang ilmu agama.<br>- Lemah iman / pegangan agama.<br>- Merasa bangga. | Kedah |
| 34 | <br>Kejadian tsunami<br><br>Kemukakan pandangan anda berkaitan situasi di atas dengan keimanan kepada Allah SWT al-Muntaqim<br><br>***Cadangan Isi:***<br>- Sentiasa takut/ ingat kepada azab Allah SWT.<br>- Sentiasa melakukan amal soleh. | Putrajaya 2 |

| | **AHLI SUNNAH WAL JAMAAH** | |
|---|---|---|
| 35 | <br><br><br>Cadangkan langkah untuk menangani ajaran di atas daripada terus menular dalam kalangan masyarakat Islam<br><br>***Cadangan isi:***<br>- Kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan.<br>- Masyarakat melaporkan kepada pihak berwajib.<br>- Mengadakan kempen kesedaran.<br>- Menghantar orang-orang yang terlibat dengan ajaran Syiah ke pusat pemulihan akidah.<br>- Mengenakan hukuman yang lebih berat.<br><br>***Contoh jawapan:***<br>- Pada pendapat saya, pihak berwajib perlu mengenakan hukuman yang lebih berat kepada penyebar ajaran Syiah,(I) contohnya dengan menambahkah jumlah hukuman sebatan dan tempoh hukuman penjara.(H) Hikmahnya masyarakat akan berhati-hati dan sentiasa menjaga diri daripada terpengaruh dengan ajaran ini.(HL) Oleh itu kita hendaklah mendalami ilmu agama daripada ulama yang diiktiraf keilmuannya agar akidah tetap terpelihara.(K) | Kedah |
| | ***BAHAGIAN FEQAH*** | |
| | **HAJI DAN UMRAH** | |
| 36 | ***Larangan melakukan sesuatu perkara yang dilarang semasa ihram menunjukkan bahawa Islam amat mementingkan sikap disiplin di dalam melakukan ibadat***<br><br>Sebagai seorang pelajar , bagaimanakah anda dapat menjadikan sikap di atas sebagai usaha untuk menjadi pelajar yang berjaya dalam pelajaran<br><br>***Cadangan isi:***<br>- Mengikut semua peraturan disiplin di sekolah.<br>- Mematuhi jadual belajar harian.<br>- Mengikut ajaran yang disampaikan oleh guru.<br>- - Sentiasa hadir ke sekolah | Pahang |

| | | |
|---|---|---|
| 37 | <br><br>Dipetik dan diubah suai : umrahexpert.blogspot.com<br><br>Berdasarkan gambar di atas , cadangkan bagaimana menangani isu tersebut<br><br>***Cadangan isi***<br>- Kerajaan akan mengeluarkan lesen khas umrah bagi memudahkan pemantauan<br>- Menamakan semula syarikat yang disenarai hitamkan dalam laman sesawang<br>- Mengadakan kempen kesedaran melalui khutbah Jumaat/ media sosial<br>- Mengedarkan pamflet/risalah tentang penipuan pakej umrah<br>- | Terengganu |
| 38 | ***Setiap ibadat yang disyariatkan dalam Islam mengandungi hikmah dan kebaikan di samping meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT***<br><br>Huraikan hujah anda.<br><br>***Cadangan isi:***<br>- menzahirkan ketaatan dalam melaksanakan perintah Allah<br>- saling mengenali sesama umat Islam<br>- menzahirkan kekuatan umat Islam<br>- menyemarakkan perkembangan dakwah Islam<br>- meningkatkan taraf hidup umat Islam<br>- meningkatkan dana umat Islam<br>- mewujudkan sumber pendapatan baharu | Perlis |
| 39 | ***Melaksanakan ibadah haji menuntut pengorbanan masa, tenaga dan perbelanjaan kos yang tinggi***<br><br>Huraikan tindakan yang perlu diambil bagi menunjukkan kesungguhan anda dalam menyempurnakan ibadah tersebut<br><br>***Cadangan isi***<br>- Bijak merancang dan menguruskan kewangan sebaik mungkin<br>- Membuka simpanan tabung haji<br>- Mendaftar awal untuk menunaikan haji<br>- Banyak membaca dan menuntut ilmu berkaitan dengan haji<br>- Menghadiri kursus haji atau umrah yang dianjurkan di kawasan setempat<br><br>***mana-mana jawapan munasabah diterima*** | SBP |

## MUAMALAT ISLAM

**40** — N9



**Labur RM250 dapat AS$200 juta, skim cepat kaya perdaya ramai mangsa**

oleh MOHD HARIS FADLI MOHD FADZIL 31 Disember 2022 01:04pm

KUALA LUMPUR - [DIKEMAS KINI] Labur RM250 dapat pulangan AS$200 juta, labur RM1,000 dapat AS$3 bilion. Itu janji manis satu sindiket skim pelaburan cepat kaya mampu memperdaya ramai mangsa di seluruh negara.

Pengerusi Pertubuhan Jaringan Sahabat Malaysia (JSM), Mohd Radzi Abdul Rahman berkata, hasil siasatan pihaknya mendapati, sindiket berkenaan dipercayai beroperasi seawal tahun 2001, memperdaya sekitar 100,000 mangsa dari pelbagai latar belakang.

*Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada https://www.sinarharian.com.my/ 31 Disember,2022*

Berdasarkan keratan akhbar di atas, mengapakah situasi tersebut berlaku. Huraikan hujjah anda

***Cadangan isi***

- Ingin cepat kaya
- Mudah terpengaruh dengan hawa nafsu/pujukan
- Jagil / kurang ilmu pengetahuan
- Penguatkuasaan undang-undang yang lemah
- Maklumat palsu yang mudah tersebar melalui edia sosial

**41** — Pulau Pniang

***Adakah jual beli secara atas talian (online) menepati muamalat Islam?*** Huraikan.

***Cadangan isi :***

***Menepati muamalat Islam jika***

- Tiada unsur yang diharamkan dalam jual beli tersebut
- Sekiranya memenuhi syarat sah jual beli
- Tiada unsur penipuan

***Tidak menepati muamalat Islam jika***

- Terdapat unsur yang diharamkan dalam jual beli tersebut
- Tidak memenuhi syarat sah jual beli
- Terdapat unsur penipuan

## *PERKAHWINAN*

**42** — Selangor




Data di atas menunjukkan bilangan rakyat malaysia yang berkahwindi luar negara. Kemukakan kemungkinan yang akan berlaku sekiranyakeadaan ini tidak dibendung

***Cadangan isi :***

- Pasangan akan didenda jika berkahwin tanpa mengikut saluran yang betul
- Pasangan terpaksa dipisahkan jika perkahwinan tidak sah
- Isteri tidak mempunyai dokumen yang sah untuk membuat sebarang tuntutan
- Kesukaran mendaftarkan kelahiran anak untuk sijil kelahiran

| | **TALAK** | |
|---|---|---|
| 43 | <br>HUKUM MINTA CERAI KERANA SUAMI TIDAK SOLAT<br>Soalan<br>Apakah hukumnya saya memohon perceraian sebab suami tidak solat. Dan saya nak failkan perceraian atas sebab tersebut.<br><br>Berdasarkan persoalan di atas , kemukakan hujjah anda dengan mengaitkannya dengan isu perceraian rumahtangga di Malaysia<br><br>***Cadangan isi:***<br>- Solat merupakan tunjang utama pembentukan rumahtangga harmoni bahagia.<br>- Allah SWT akan menjaga rumahtangga orang yang menjaga hubungan dengan-Nya.<br>- Solat penyelesai masalah manusia / jalan keluar setiap masalah.<br>- Tidak melaksanakan tuntutan syariat Islam boleh menjadi sebab isteri memohon fasakh.<br>***Catatan: Jawapan positif atau negatif boleh diterima.***<br><br>***Contoh jawapan:***<br>- Hujah saya ialah, rumahtangga akan musnah jika pasangan mengabaikan solat(I) kerana solat dapat mencegah seseorang daripada melakukan perkara keji / dosa.(H) Contohnya suami yang solat dengan sempurna terutamanya solat berjemaah tidak akan memukul isterinya sebaliknya akan sentiasa menjaga keharmonian rumahtangga / hubungan kekeluargaan.(HL) Kesimpulannya kita hendaklah berusaha menambah ilmu berkaitan perkahwinan / munakahat supaya kerukunan rumahtangga terpelihara.(K) | Kedah |
| 44 | Di Malaysia, perceraian melalui talak diperuntukkan di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Seksyen 47. Mana-mana suami atau isteri yang mahu bercerai melalui talak hendaklah membuat permohonan terlebih dahulu di Mahkamah Syariah.<br><br>Berdasarkan pernyataan di atas, bagaimanakah cara mengelak berlakunya perceraian dalam kalangan masyarakat.<br><br>***Cadangan isi :***<br>- Suami isteri mempunyai pegangan agama yang kukuh.<br>- Suami isteri mempunyai ilmu pengetahuan berkaitan kekeluargaan.<br>- Suami isteri saling bertolak ansur dan bertanggungjawab | Putrajaya 1 |

| | FARAID | |
|---|---|---|
| 45 | <br>KELUARGA SEJAHTERA<br>Berebut harta akibat jahil hukum faraid<br>PERANG PERIUK<br><br>Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan pandangan anda terhadap isu tersebut<br><br>***Cadangan isi :***<br>- Islam telah menggariskan kaedah faraid bagi menguruskan harta si mati.<br>- Kaedah faraid dapat menyelesaikan masalah pembahagian harta secara adil dan saksama.<br>- Kurang pengetahuan tentang menguruskan harta pusaka<br>***Contoh jawapan***<br>Islam telah menggariskan kaedah faraid bagi menguruskan harta si mati (I) agar harta yang ditinggalkan dapat diagihkan secara adil kepada pewaris.(H) Kesannya, pertelingkahan dan perbalahan disebabkan perebutan harta dapat dielakkan. (HL) Kesimpulannya, kita hendaklah mendalami ilmu berkaitan pengurusan harta agar hidup dalam keharmonian. (K) | Sabah |
| 46 | <br>Tiga anak derhaka 'buang' wanita uzur<br>Berebut harta di kubur ibu<br>> Selepas menghantar ibu mereka yang uzur ke pusat jagaan orang tua dua tahun lalu, tiga beradik derhaka itu langsung tidak pernah menjenguknya lagi. Pelbagai alasan diberi, tetapi sebaik wanita malang itu meninggal baru-baru ini, mereka muncul ketika orang ramai sedang menguruskan jenazahnya, semata-mata mahu menuntut harta, lapor Hayati Ibrahim muka 4<br>Sumber: *Berita Harian (online)* – Oktober 12, 2019<br>Berdasarkan keratan akhbar di atas, kemukakan pandangan anda berkaitan isu tersebut<br>***Cadangan Isi:***<br>- Ingin membolot semua harta si mati.<br>- Cetek pengetahuan dan kesedaran tentang pengagihan harta faraid.<br>- Hubungan dingin antara ahli keluarga.<br>**Cadangan Jawapan:**<br>- Perebutan harta yang berlaku sebaik sahaja selesai pengurusan jenazah si mati adalah berpunca daripada kurang penghayatan ajaran Islam dalam kalangan waris (I/1m) kerana mereka tamak dengan harta si mati hingga menafikan kadar-kadar tertentu harta pusaka yang telah ditetapkan dalam al-Quran (H/1m). Kesannya berlaku penganiayaan terhadap ahli waris yang layak menerima harta pusaka (HL/1m). Oleh itu, kita hendaklah mendalami ilmu tentang faraid supaya semua waris akan mendapat hak masing-masing seperti mana yang sepatutnya (K/1m). | Sarawak |
| 47 | ***Islam mensyariatkan faraid untuk membahagikan harta pusaka selepas berlaku kematian***<br><br>Berdasarkan pernyataan di atas , apakah kemungkinan yang akan berlaku sekiranya tuntutan tersebut diabaikan dalam sesebuah keluarga<br>***Cadangan isi***<br>- Pembahagian harta diuruskan dengan tidak adil dan saksama<br>- Berlaku perebutan harta dalam keluarga<br>- Hubungan kekeluargaan akan terputus<br>- Berlaku penganiayaan krepada waris yang berhak | SBP |

| | SOLAT SUNAT ISTIKHARAH | |
|---|---|---|
| 48 | ***"Jika salah seorang daripada kalian gusar tentang sesuatu perkara maka dirikanlah solat sunat dua rakat selain daripada yang difardukan"*** ( Riwayat Muslim )<br><br>Berdasarkan hadis di atas, kemukakan hujah anda berkaitan galakan perlaksanaan solat sunat Istikharah.<br><br>***Cadangan isi: ( Fokus kepada hikmah dan kelebihan melakukan solat sunat istikharah )***<br>- Meningkatkan keimanan<br>- Mendidik umat Islam memohon sesuatu kepada Allah<br>- Menjauhkan diri daripada perbuatan syirik<br><br>***Catatan:***<br>***Mana-mana jawapan yang munasabah diterima*** | Melaka |
| 49 | ***Rakan anda tidak melakukan solat sunat Istikharah disebabkan tidak tahu cara pelaksanaannya***<br><br>Bagaimanakah usaha yang boleh anda lakukan untuk membantu rakan anda. Huraikan.<br><br>***Cadangan isi:***<br>- Mengajar rakan tentang cara melaksanakan solat sunat istikharah.<br>- Mengajak rakan mendengar ceramah berkaitan solat sunat istikharah.<br>- Menghadiahkan buku panduan solat sunat istikharah. | Pahang |
| 50 | ***Ahmad telah mendapat tawaran menyambung pelajaran di Universiti dalam negara dan luar negara. Dia melaksanakan solat Istikharah sebelum membuat pilihan***<br>Kemukakan hujjah anda terhadap situasi Ahmad dalam membuat keputusan<br><br>***Cadangan Jawapan:***<br>- Dapat meningkatkan keimanan dalam diri (1m) kerana menjadikan Allah SWT sebagai tempat pergantungan.(1m) Kesannya, ia dapat menjauhkan diri daripada perbuatan syirik dengan memohon bantuan selain Allah SWT. (1m) Kesimpulannya, kita hendaklah mendidik diri agar sentiasa memohon sesuatu hanya kepada Allah SWT terutamanya dalam membuat keputusan agar hidup diredai Allah SWT.(1m)<br>***Catatan :***<br>***Lain-lain isi jawapan yang munasabah diterima*** | Johor |
| 51 | ***Masyarakat sering menganggap bahawa solat sunat istikharah dilakukan bertujuan untuk memilih jodoh semata-mata.***<br>Huraikan pendapat anda tentang pernyataan di atas.<br><br>**Cadangan Isi:**<br>- Memilih aliran subjek yang betul.<br>- Memilih pekerjaan yang sesuai. | Putrajaya 2 |

| | | |
|---|---|---|
| | **SOLAT SUNAT TASBIH** | |
| 52 | ***Bagaimanakah solat sunat tasbih dapat dijadikan amalan dalam kehidupan seharian. Berikan cadangan anda.***<br><br>***Cadangan isi:***<br>- Memahami kelebihan solat sunat tasbih.<br>- Mengejar pahala sunat yang banyak dalam kehidupan.<br>- Memperuntukkan masa yang khusus untuk solat sunat tasbih.<br>- Membuat jadual khusus untuk melaksanakan solat sunat tasbih.<br>- Berdoa kepada Allah untuk sentiasa istiqamah dalam melaksanakan solat sunat tasbih. | Kelantan |
| | **BAHAGIAN SIRAH** | |
| | **KERAJAAN UMAYYAH** | |
| 53 | ***Khalifah mengamalkan cara hidup mewah dan boros kerana cenderung kepada hiburan dan kekejaman***<br>Merujuk pernyataan di atas, bagaimanakah anda sebagai pemimpin dapat mengambil iktibar bagi mewujudkan masyarakat yang harmoni<br><br>***Cadangan isi:***<br>- Melaksanakan tanggungjawab…<br>- Menjauhi hiburan yang melalaikan…<br>- Mengamalkan dan memartabatkan ajaran Al Quran dan Al Sunnah…<br>***Catatan:***<br>***Mana-mana jawapan yang munasabah diterima***. | Melaka |
| 54 | ***Pasukan angkatan tentera yang berdisiplin dan bersemangat jihad dalam mempertahankan negara merupakan faktor yang membawa kepada kegemilangan kerajaan Umayyah***<br><br>Berdasarkan pernyataan di atas , huraikan bagaimana anda mengamalkan sikap tersebut untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran<br><br>**Cadangan isi:**<br>- Membuat perancangan rapi bagi persediaan menghadapi<br>- ujian/peperiksaan<br>- Menyusun jadual waktu belajar dengan tersusun<br>- Berusaha melawan nafsu ke arah perkara yang negatif<br>- Sentiasa bersemangat / bersungguh-sungguh ketika belajar<br>- - Mengamalkan strategi belajar yang berkesan | Selangor |
| | **KERAJAAN ABASIYYAH** | |
| 55 | Malaysia hilang jurutera, doktor sebab pelajar tak minat sains<br>PETALING JAYA – Negara bakal kehilangan golongan profesional tempatan dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dalam tempoh 20 tahun lagi apabila ramai pelajar sekolah kini enggan memasuki aliran itu.<br>Dipetik dan diubah suai : Kosmo, 31 Mei 2023<br>Huraikan pandangan anda tentang isu di atas<br><br>***Cadangan isi***<br>- Pelajar beranggapan bidang sains dan teknologi sukar dikuasai<br>- Pelajar lebih berminat dengan bidang perniagaan<br>- Pihak berwajib perlu tingkatkan kempen untuk menarik minat pelajar ke bidang sains<br>- Ibu bapa perlu memupuk minat anak-anak dalam bidang sains sejak kecil lagi | Terengganu |

| | | |
|---|---|---|
| 56 | ***Peranan generasi masa kini amat penting dalam mengembalikan kegemilangan Islam sebagaimana yang telah dicapai oleh kerajaan Abbasiyah***<br>Berikan hujah anda cara situasi di atas dapat direalisasikan<br><br>***Cadangan jawapan :***<br>- Bersederhana dalam membuat tindakan.<br>- Mengambil pendekatan yang seimbang<br>- Mengikut al-Quran dan as-Sunnah<br>- Menunaikan keperluan secara sempurna<br><br>Contoh Jawapan<br>Generasi kini perlu mendalami dan mengaplikasikan ilmu pengetahuan (I) agar dapat menjadi tenaga pakar berkemahiran yang mampan.(H) Kesannya, negara akan mencapai kemajuan dari pelbagai aspek.(HL) Oleh itu, kita hendaklah memperbanyak penerokaan ilmu agar martabat Islam terus terpelihara.(K) | Sabah |
| 57 | ***Pemerintahan kerajaan Abbasiyah telah mencapai 'Zaman Kegemilangan Islam***<br>Bincangkan peranan generasi kini dalam mengembalikan kegemilangan negara Islam di mata dunia<br><br>**Cadangan Isi:**<br>- Mencontohi kepimpinan yang berwibawa.<br>- Menguasai ilmu dan kepakaran | Putrajaya 2 |
| | **KERAJAAN UTHMANIAH** | |
| 58 | Kelemahan sistem pendidikan merupakan salah satu faktor kemerosotan kerajaan Uthmaniyah sehingga menyebabkan kekurangan tenaga mahir untuk membangunkan negara.<br><br>Berdasarkan pernyataan di atas, berikan hujah anda tentang kepentingan pendidikan dalam memacu kegemilangan sesebuah negara.<br><br>***Cadangan isi:***<br>- Melahirkan rakyat yang berdaya saing dan berkualiti.<br>- Meningkatkan ekonomi negara.<br>- Dipandang tinggi oleh negara luar. | Putrajaya 1 |
| | **BAHAGIAN TOKOH** | |
| | **IMAM MALIK** | |
| 59 | ***'Imam Malik sangat mencintai Rasulullah SAW sehingga tidak sanggup menunggang kuda dalam Kota Madinah kerana menghormati jasad Rasulullah SAW yang dimakamkan di sana***<br>Sebagai seorang murid, bagaimanakah anda dapat meneladani sifat tersebut dalam kehidupan. Huraikan.<br><br>***Cadangan Isi :***<br>- Mengamalkan sunnah Rasulullah SAW.<br>- Sentiasa berselawat ke atas Nabi SAW.<br>- Mempertahankan Rasulullah SAW dari sebarang penghinaan.<br>- Mengasihi sahabat baginda SAW.<br>- Menziarahi makam Rasulullah SAW.<br>- Mempelajari hadis Rasulullah SAW. | Kelantan |

| | AHMAD BIN IBRAHIM | |
|---|---|---|
| 60 | ***Ahmad bin Ibrahim banyak memberi sumbangan dalam bidang perundangan Islam seperti menghasilkan buku Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia*.**<br><br>Sebagai seorang pelajar, bagaimanakah anda mencontohi kehebatan tokoh tersebut.<br><br>Cadangan isi:<br>- Bersungguh – sungguh dalam menuntut ilmu<br>- Sering membuat rujukan<br>- Sering bertanya pada guru tanpa jemu<br>- Sering mengulangkaji pelajaran | Perak |
| 61 | <br><br>Gambar di atas merupakan salah satu karya Ahmad bin Ibrahim yang terkenal. Beliau banyak menghasilkan karya yang hebat dalam bidang perundangan dan seorang yang sangat menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perbicaraan.<br><br>Huraikan iktibar yang boleh diteladani daripada keunggulan tokoh di atas<br>**Cadangan Isi Jawapan:**<br>- Mencontohi kegigihan tokoh dalam menuntut ilmu<br>- Bersifat cekal dalam menyebarkan dakwah Islamiah<br>- Menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki<br>- Berusaha menjadi seorang insan yang berkualiti<br>- Bekerjasama dalam pembangunan negara<br>***Catatan :***<br>***Lain-lain isi jawapan yang munasabah diterima.*** | Johor |
| 62 | ***Profesor Ahmad bin Ibrahim memiliki ketinggian akhlak yang perlu diteladani.***<br><br>Bagaimanakah anda mencontohi ketinggian akhlak beliau untuk menjadi pelajar yang cemerlang<br><br>***Cadangan isi***<br>- suka menyebarkan ilmu<br>- bersikap adil<br><br>***Contoh jawapan***<br>Saya akan memanfaatkan ilmu yang saya pelajari denganmengajar rakan-rakan (1m) supaya mereka dapat menguasai sesuatu ilmu dengan baik (1m) Kesannya, ilmu yang dipelajari dan disebarkan akan dapat meningkatkan lagi kecemerlangan diri sebagai seorang pelajar .(1m).Oleh itu kita hendaklah mencontohi akhlak para cendekiawan Islam dalam usaha menyebarkan dan memanfaatkan ilmu supaya hidup kita sentiasa beroleh kejayaandi dunia dan akhirat(1m) | Perlis |

| | | |
|---|---|---|
| | **SALAHUDUIN AL AYUBI** | |
| 63 | Bagaimanakah keunggulan tokoh-tokoh Islam dapat memberikan inspirasi untuk menjadikan anda insan cemerlang<br><br>***Cadangan isi***<br>- Menerapkan sifat berani mempertahankan agama<br>- Menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan<br>- Menjadikan Islam sebagai cara hidup<br>- Mengamalkan akhlak yang mulia | Pulau Pinang |
| | ***BAHAGIAN AKHLAK*** | |
| | **ADAB TERHADAP ORANG SAKIT** | |
| 64 | ***Menjaga orang sakit merupakan tuntutan fardhu kifayah*.**<br>Berikan pandangan anda mengapakah masih ada umat Islam yang mengabaikan tuntutan tersebut<br><br>***Cadangan Isi :***<br>- Kurang didikan agama.<br>- Lemah pegangan agama.<br>- Jahil tentang tuntutan dosa pahala.<br>- -Pentingkan diri sendiri. | Kelantan |
| 65 | <br>Tanggungjawab menjaga orang sakit amat dituntut dalam Islam.<br>Mengapakah orang sakit perlu dijaga dengan beradab? Huraikan hujah anda<br><br>***Cadangan isi :***<br>- Meringankan beban sakit yang ditanggungnya.<br>- Sokongan moral supaya cepat sembuh.<br>- Menunjukkan kasih sayang antara satu sama lain | Putrajaya 1 |
| | **WASATIAH** | |
| 66 | <br><br>Huraikan bagaimana anda menjayakan kempen di atas<br><br>**Cadangan isi :**<br>- Memupuk kesedaran menjimatkan elektrik<br>- Memeriksa sistem pendawaian elektrik secara berkala<br>- Tutup suiz peralatan elektrik jika tidak digunakan | Perak |

| | | |
|---|---|---|
| 67 | ﴿كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ .......<br>(Surah Ali Imran : Ayat 110)<br>Maksudnya : Kamu wahai umat Muhammad ialah umat paling baik yang dilahirkan bagi umat manusia kerana kamu menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran serta kamu beriman kepada Allah SWT.<br>Berdasarkan ayat di atas, bagaimanakah anda mengaplikasikan konsep wasatiyah untuk menjadi umat yang cemerlang<br><br>***Cadangan isi***<br>- Memakmurkan bumi mengikut syariat<br>- Menjauhi diri daripada kezaliman<br>- Menggunakan harta kekayaan untuk keredhaan Allah<br>- Ikhlas dalam semua pekerjaan | Terengganu |
| 68 | <br>Sumber : *Harian Metro* - 2015<br>Berdasarkan konsep wasatiyyah, kemukakan pandangan anda dengan mengaitkan pernyataan di atas<br><br>***Cadangan isi:***<br>- Kepentingan rohani dan jasmani perlu dititik beratkan dalam diri.<br>- Dengan bersolat dapat meningkatkan kecergasan dan keseimbangan rohani, jasmani dan akli.<br>- Pendekatan solat dan restu ibubapa salah satu cara terbaik mencapai kejayaan. | Pahang |
| 69 | **KECEMERLANGAN**<br>*Dicipta Oleh* **INSAN BIASA**<br>Dari Keluarga Biasa<br>Belajar Di Sekolah Biasa<br>Memiliki Kecerdasan Biasa<br>Yang **BERUSAHA** Secara **LUAR BIASA**<br>Berikan hujah anda bagi menyokong slogan di atas<br><br>**Cadangan Isi :**<br>- Belajar bersungguh-sungguh tanpa mengabaikan kewajipan terhadap Allah.<br>- Tidak mudah berputus asa jika gagal.<br>- Sanggup menghadapi apa saja cabaran dalam mencapai kecemerlangan.<br>- Memahami konsep tawakkal. | Kelantan |

<table>
<tr><td>70</td><td><br><br>Berdasarkan gambar di atas, cadangkan langkah untuk mengatasi pembaziran yang sering berlaku dalam masyarakat.<br>Huraikan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas.<br><br>Cadangan Isi:<br>- Sedekah makanan yang berlebihan.<br>- Menampal poster berkaitan pembaziran.<br>- Mengenakan caj tambahan bagi setiap pembaziran yang dilakukan.<br><br>Contoh Jawapan:<br>- Membuat kempen penjimatan air dalam penggunaan seharian (I/1m) melalui media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter (H/1m). Kesannya, dapat mendidik masyarakat supaya berjimat cermat selari dengan konsep wasatiyyah yang diterapkan dalam Islam (HL/1m). Kesimpulannya, kita hendaklah menghargai sumber air supaya dapat dinikmati oleh generasi seterusnya (K/1m).<br>-</td><td>Sarawak</td></tr>
<tr><td>71</td><td><br>Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya pelajar tidak mengamalkan prinsip wasatiyah dalam kehidupan<br><br>Cadangan isi:<br>- Pengabaian tanggungjawab terhadap Allah SWT.<br>- Melakukan tugasan secara sambil lewa.<br>- Sering melanggar arahan dan peraturan yang ditetapkan.<br><br>Contoh jawapan:<br>- Pada pendapat saya, pelajar akan mudah mengalami masalah kemurungan(I) apabila gagal menguruskan emosi diri ketika menghadapi kegagalan dalam akademik.(H) Hal ini disebabkan mereka hanya memikirkan kejayaan akademik tanpa mendekatkan diri kepada Allah SWT.(HL) Oleh itu, kita hendaklah menghayati cara hidup Islam agar mendapat rahmat daripada Allah SWT.(K)</td><td>Kedah</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| 72 | <br>**Wasatiyyah kurangkan persepsi negatif**<br>Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Utusan Malaysia, 27 NOVEMBER<br><br>Huraikan hujjah andatiyah mengajar ke untuk menyokong pernyataan di atas<br><br>Cadangan isi<br>- Wasatiyah mengajar kesederhanaandalam kehidupan<br>- Seimbang dalam semua keadaan<br>- Wasatiyah menekankan aspek keadilan<br>- Wasatiyah membawa kepada kecemerlangan umat<br>- | N9 |
| 73 | Bagaimanakah anda dapat menerapkan amalan wasatiyah dalam kehidupan seharian<br><br>***Cadangan isi***<br>- Mengimbangkan antara urusan duniawi dan ukhrawi<br>- Menggunakan potensi diri untuk mencapai keredhaan Allah<br>- Melakukan semua tugas dan pekerjaan dengan ikhlas kerana Allah SWT | Pulau Pinang |
| | ISTIQAMAH | |
| 74 | Firman Allah Taala:<br>Oleh itu, hendaklah engkau (wahai Muhammad SAW) sentiasa tetap teguh di atas jalan yang betul sebagaimana yang telah diperintahkan kepadamu.<br>(Surah Hud, 11: 112)<br><br>Berdasarkan maksud petikan ayat al-Quran di atas, huraikan pandangan anda tentang bagaimana untuk memiliki sifat istiqamah<br><br>**Cadangan Isi :**<br>- Sentiasa mujahadah melawan hawa nafsu.<br>- Sentiasa berdoa memohon bantuan daripada Allah SWT.<br>- Sentiasa membaca dan mengambil iktibar kisah para Rasul dan sahabat yang istiqamah melakukan kebaikan.<br>- Sentiasa muhasabah diri agar ikhlas dan sabar dalam setiap tindakan | Putrajaya 2 |

| | **ALAM SEKITAR PENENANG MINDA** | |
|---|---|---|
| 75 | HARI ALAM SEKITAR NEGARA<br>21 OKTOBER<br>Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama<br><br>Ramalkan apa akan berlaku sekiranya kempen tersebut diabaikan.<br><br>**Cadangan isi :**<br>- Kemusnahan alam sekitar<br>- Berlaku bencana alam<br>- Kerugian kepada negara | Perak |
| 76 | <br>Pencemaran sungai di Malaysia<br>Berdasarkan gambar di atas, huraikan tindakan yang boleh dilakukan untuk menangani isu tersebut<br><br>***Cadangan isi:***<br>- Memupuk kesedaran masyarakat dalam kepentingan memelihara sungai<br>- Pemerkasaan penguatkuasaan undang-undang<br>- Mewartakan sungai sebagai pusat komuniti<br>- Peranan media massa memberi kesedaran kepada masyarakat<br>***Catatan:***<br>***Mana-mana jawapan yang munasabah diterima.*** | Melaka |
| 77 | <br>Sampah, sisa binaan punca pencemaran Sungai Klang<br>Bukit gondol, sungai keruh<br><br>Berdasarkan keratan akhbar di atas , huraikan peranan pihak berkuasa bagi mengatasi masalah tersebut<br>**Cadangan jawapan :**<br>- Mengenakan denda/ hukuman yang berat kepada si pelaku<br>- Memberi didikan awal tentang kepentingan menjaga alam sekitar<br>- Mengadakan kempen/ motivasi/ ceramah kesedaran tentang alam sekitar<br>***Catatan :***<br>***Lain-lain isi jawapan yang munasabah diterima.*** | Johor |

| | | |
|---|---|---|
| 78 | <br><br>Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan peranan masyarakat bagi mengatasi masalah tersebut<br>***Cadangan isi :***<br>- Mengadakan gotong-royong<br>- Melaporkan kepada pihak berkuasa | Perlis |
| 79 | <br>Keindahan alam sekitar merupakan anugerah Allah SWT yang tidak ternilai. Ramalkan kesan yang akan berlaku sekiranya manusia tidak menghargai khazanah alam tersebut?<br><br>***Cadangan isi (kesan negatif tidak menjaga alam sekitar) :***<br>- Mudah mendapat penyakit<br>- Sumber air tercemar<br><br>***Contoh jawapan***<br>Mudah mendapat penyakit (I) kerana terdedah dengan sumber air yang tercemar. (H) Kesannya kesejahteraan hidup masyarakat akan tergugat. (HL) Kesimpulannya kita hendaklah menjaga alam sekitar dengan sebaiknya agar hidup aman bahagia. (K) | Sabah |
| ***80*** | ***KEMPEN SAYANGI SUNGAI KITA***<br><br>***Huraikan cadangan anda bagi memastikan kempen di atas berjaya***<br><br>***Cadangan isi***<br>- Melaporkan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang/menguatkuasakan undang-undang<br>- Mengadakan program pembangunan sungai<br>- Menggalakkan program sungaiu angkat<br>- Menganjurkan programn ekspidisi sungai<br>- Tahap pendidikan masyarakat dapat ditingkatkan<br>- Mewujudkan program pendidikan dengan meliatkan pelajar | N9 |

| | | |
|---|---|---|
| 81 | Firman Allah SWT:<br><br>ظَهَرَ ٱلْفَسَادُ فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِى ٱلنَّاسِ لِيُذِيقَهُم بَعْضَ ٱلَّذِى عَمِلُوا۟ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾<br><br>Maksudnya : "*Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia.*"<br><br>(*Surah al-Rum: 41*)<br><br>Berdasarkan maksud ayat di atas , huraikan hujjah anda , mengapakah situasi di atas berlaku<br><br>***Cadangan isi***<br>- Ingin mengaut keuntungan semata-mata daripada hasil alam<br>- Kurang kesedaran mengambil berat tentang penjagaan alam sekitar<br>- Sikap tidak ambil tahu tentang kerosakan dan kemusnahan alam<br>- Penguatkuasaan undang-undang yang lemah dalam menangani isu alam sekitar<br><br>***Mana-mana jawapan yang sesuai beserta huraian diterima*** | SBP |
| 82 | <br>Sumber: *Berita Harian (online)* – Jun 14, 2019<br><br>Berdasarkan keratan akhbar di atas, huraikan pandangan anda tentang peranan masyarakat dalam menangani situasi tersebut daripada terus berleluasa.<br><br>**Cadangan Isi:**<br>- Mengadakan kempen kesedaran tentang bahaya pencemaran.<br>- Bekerjasama dengan anggota masyarakat untuk melakukan pemantauan berkala.<br>- Memboikot barang pengeluaran kilang yang melakukan pencemaran. | Sarawak |

| | | |
|---|---|---|
| 83 | Isu krisis bekalan air yang berpunca daripada pencemaran sungai perlu diberi perhatian sewajarnya kerana akses kepada bekalan air minuman bersih sangat penting untuk kelangsungan hidup dan kesejahteraan kesihatan rakyat Malaysia.<br><br>Memandangkan 98 peratus daripada air tawar negara berasal dari sungai, maka status dan kualiti air sungai perlu dititikberatkan agar sentiasa dalam keadaan baik dan lestari.<br><br>Sumber: Rencana *Sinar Harian* - Isnin 12 Jun 2023<br><br>Mengapakah situasi di atas masih berlaku? Kemukakan hujjah anda<br><br>**Cadangan isi:**<br>- Sikap pentingkan diri sendiri.<br>- Kurang kesedaran tentang pentingnya memelihara kebersihan<br>- sungai.<br>- Kurangnya penguatkuasaan undang-undang. | Selangor |
| 84 | <br>NEGARA!<br>Pemuda rugi RM5,000 ditipu penjual kereta di internet<br>(Sumber: *Kosmo* – Selasa, 1 Januari 2013)<br>Berdasarkan pernyataan di atas, ramalkan keadaan masyarakat Islam jika situasi ini tidak dibendung<br><br>Cadangan isi<br>- Imej masyarakat Islam dipandang rendah<br>- Ekonomi masyarakat Islam tergugat<br>- Kehidupan masyarakat tidak aman<br>- Jenayah meningkat/ berleluasa | Selangor 2 |